



1. MERINYU PEMASANGAN

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

JABATAN PERDANA MENTERI

C.2 EB.3 (\$1,450 – \$2,270 SEBULAN)

KEKOSONGAN = 3

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang Elektrikal atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Pembantu Merinyu Pemasangan atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang dari 6 tahun atau sebagai Pembantu Merinyu Pemasangan atau jawatan berkaitan dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 8 tahun.

2. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja menyelia, memeriksa dan menguji alat-alat kelengkapan elektrik yang dipasang dan peraturan-peraturan pendawaian IEE atau aspek keselamatan atau lain-lain adalah kelebihan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MERINYU PEMASANGAN:

1. Memastikan kesesuaian kedudukan Bangunan yang akan dibina, tempat bekalan boleh diambil dan sebagainya (*site plan approval*).
2. Memastikan "*single line*" diagram dan *electrical layout drawing* mengikut / dibuat berlandaskan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.
3. Membantu Jurutera dalam perancangan Projek di Daerah Temburong.
4. Mengetuai dan mengawasi pegawai-pegawai di Bahagian Pembaca Meter dan Lejar.
5. Membantu Ketua Sub Unit Pemotongan mengawasi krew pemotongan.
6. Menyediakan laporan segera pemotongan kepada Ketua Sub Unit tentang hasil kerja-kerja harian pemotongan.
7. Membuat '*survey*' dan melukis peta lakaran, mengenai bacaan '*Amperes & Voltage Loading*' di Stesen Kecil Elektrik dan membuat laporan ringkas bagi permohonan bekalan elektrik bagi rumah / bangunan persendirian / Kerajaan untuk memastikan dari mana punca bekalan elektrik akan diambil.
8. Memberi laporan bagi permohonan bekalan elektrik yang memerlukan kerja-kerja penambahan kawat atas voltan rendah ataupun *mini-feeder pillar*.
9. Menyelia penyerahan kerja-kerja pemeliharaan sekolah-sekolah dan rumah-rumah Kerajaan.
10. Menaikkan kabel ke tiang *Overhead lines*.
11. Membuat pengujian ke atas pendawaian pelanggan.